

4.0 PENYATAAN MASALAH

4.1 Pengenalan Metodologi Kajian

1 Nyatakan **tiga** kaedah pengumpulan data dalam proses mereka cipta.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]


2 Jadual 1 menunjukkan aktiviti-aktiviti pengumpulan maklumat dan data yang dijalankan. Nyatakan kaedah pengumpulan data yang betul mengikut aktiviti pada ruang jawapan.

	Aktiviti Pengumpulan Maklumat dan Data	Kaedah Pengumpulan Data
(i)	Bertemu dengan responden dan mengemukakan soalan secara lisan.	
(ii)	- Memerhati, mengambil gambar dan mencatat segala perlakuan yang dilihat, serta dilakukan. - Dilakukan selama lima hari.	
(iii)	Menerangkan kejadian yang pernah dialami sendiri berkaitan dengan masalah yang telah dikenal pasti.	


Jadual 1

[3 markah]

- 3 Rajah 1 menunjukkan aktiviti dilakukan untuk satu kaedah kajian. Tuliskan langkah kerja yang perlu dilaksanakan untuk mendapatkan data dan maklumat. Jawapan langkah (ii) dan (iv) diberi.




Rajah 1



[3 markah]

- 4 Rajah 2 menunjukkan langkah mengumpul data dengan kaedah pemerhatian. Lengkapkan Rajah 2 mengikut urutan yang betul pada ruang yang disediakan.



Rajah 2

[2 markah]

- 5 Rajah 3 menunjukkan format bibliografi bacaan buku. Kenal pasti elemen bertanda (i), (ii) dan (iii) supaya penulisan bibliografi mengikut format yang betul.

(i) _____ .(Tahun diterbitkan). _____ (ii) _____ . Tempat diterbitkan : _____ (iii) _____
--

Rajah 3

- (i)
(ii)
(iii)


4.2 Penyataan Masalah

- 6 Nyatakan **empat** perkara penting yang perlu diambil perhatian dalam menulis pernyataan masalah.

- (i)
(ii)
(iii)
(iv)

[4 markah]

- 7 Rajah 4 menunjukkan langkah-langkah dalam proses mengenalpasti masalah. Lengkapkan langkah tersebut dengan menulis jawapan yang betul pada Rajah 4. Jawapan (i) dan langkah (iii) diberi.



Rajah 4

[3 markah]

- 8 Jadual 2 menunjukkan data yang dikumpulkan berkenaan masalah yang dihadapi oleh responden semasa menyembur racun rumpai.

Bil	Masalah	Bil. Responden	
		Ya	Tidak
1	Mengambil masa yang lama	28	12
2	Memerlukan banyak tenaga	34	6
3	Pernah tercedera	23	17

Jadual 2

- (a) Berdasarkan Jadual 2, nyatakan:

- (i) Masalah utama yang dihadapi responden.

.....

[1 markah]

- (ii) Jumlah responden.


.....

[1 markah]

- (b) Hitungkan peratus responden yang menghadapi masalah tertinggi.

[2 markah]

- (c) Lukiskan carta bar berdasarkan maklumat di Jadual 2.



[4 markah]

- (d) Rumuskan hasil dapatan daripada data yang diperolehi dalam Jadual 2.

.....

.....

[2 markah]

- 9 Jadual 3 menunjukkan maklumat dan data tentang masalah gangguan tikus di kawasan perumahan yang diperolehi dengan menggunakan borang tertentu.

Masalah yang dihadapi	Bilangan responden yang setuju	Bilangan responden yang tidak setuju	Jumlah
Najis tikus merata-rata	76	24	100
Makanan tercemar	94	6	100
Perabot dan perkakas rumah rosak	70	30	100


Jadual 3

- (a) Namakan kaedah pengumpulan maklumat yang paling sesuai untuk mendapatkan data di atas.

.....

[1 markah]

- (b) Berdasarkan Jadual 3, lukiskan carta bar menerangkan masalah yang dihadapi mengikut peratus responden.



[4 markah]

- (c) Huraikan **satu** masalah yang paling tinggi melibatkan responden daripada hasil dapatan berdasarkan 9(a)

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Rumuskan hasil dapatan di 9(c)

.....

.....

[2 markah]